



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 1 Tahun 2023

KEMUDAHAN CUTI BELAJAR UNTUK STAF AKADEMIK DAN STAF PENTADBIRAN UiTM DALAM KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan berkenaan penambahbaikan syarat kemudahan cuti belajar (selain Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa tajaan KPT, UiTM dan agensi pusat) yang diberikan kepada staf akademik dan staf pentadbiran dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (khusus kepada Gred 44 dan ke atas) bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Pendaftar Bil. 8 Tahun 2017 telah menggariskan syarat-syarat bagi kemudahan cuti belajar yang diberikan kepada staf akademik dan pentadbiran UiTM (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) yang berpotensi tinggi untuk melanjutkan pelajaran tetapi tidak dipertimbangkan biasiswa di bawah KPT-SLAB/SLAI, Hadiah Latihan Persekutuan (KPT-HLP) dan agensi pusat seperti kategori berikut:
 - i. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (untuk staf akademik sahaja);
 - ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Tajaan Agensi Luar;
 - iii. Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Tajaan Agensi Luar; dan
 - iv. Cuti Belajar Bergaji Penuh Khas (Pensyarah Pelatih Perubatan dan Pergigian).

- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) Bil. 54/2022 pada 16 November 2022 telah bersetuju dan meluluskan penambahbaikan syarat kemudahan cuti belajar (selain Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa tajaan KPT, UiTM dan agensi pusat) yang diberikan kepada staf akademik dan staf pentadbiran dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (khusus kepada Gred 44 dan ke atas) seperti kategori berikut:
- i. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa Bagi Staf Akademik (Gred 45 dan ke atas);
 - ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa Bagi Staf Pentadbiran (Gred 48 dan ke atas);
 - iii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Tajaan Agensi Luar/ Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Tajaan Agensi Luar Bagi Staf Akademik (Gred 45 dan ke atas);
 - iv. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Tajaan Agensi Luar/ Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Tajaan Agensi Luar Bagi Staf Pentadbiran (Gred 44 dan ke atas); dan
 - v. Cuti Belajar Bergaji Penuh/ Cuti Belajar Tanpa Gaji Khas Bagi Pensyarah Pelatih Perubatan dan Pergigian.

3.0 SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Syarat-syarat permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN 1** hingga **5**.

4.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN KETUA SKIM PERKHIDMATAN / KETUA BIDANG

- 4.1 Ketua Jabatan dan Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Bidang adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan termasuk teras bidang pengajian yang dipohon oleh pegawai agar bertepatan dengan keperluan Jabatan/ Skim Perkhidmatan dan Universiti. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Bidang untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh majikan (UiTM).
- 4.2 Sebelum mengemukakan perakuan sokongan, Ketua Jabatan dan Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Bidang adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan untuk bercuti belajar kelak.
- 4.3 Sekiranya pegawai yang diperakukan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Bidang berjaya ditawarkan kemudahan cuti belajar ini, Ketua Jabatan dan Ketua Skim/ Ketua Bidang berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan cuti belajar kepada mereka untuk menjalani pengajian.

- 4.4 Untuk makluman, pelepasan pegawai untuk bercuti belajar adalah dengan tanpa penggantian untuk jawatan berkenaan sehingga pegawai tamat cuti belajar.

5.0 TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Tatacara permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN 6**.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Pendaftar Bil. 08 Tahun 2017 dan Surat Pekeliling Pendaftar Bil. 01 Tahun 2022 adalah **dibatalkan**.
- 6.2 Penerimaan pakai keputusan Mesyuarat JKI-PKSM Bil. 46 Tahun 2021 bertarikh 26 Oktober 2021 berkaitan sebarang permohonan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) bagi staf akademik hendaklah mencapai kemajuan pengumpulan data sebanyak lima puluh peratus (50%) ke atas sahaja untuk pertimbangan keputusan mesyuarat.

7.0 TARIKH DIKELUARKAN

- 7.1 Pekeliling dikeluarkan pada 01 Februari 2023.

8.0 TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 Januari 2023.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Penolong Naib Canselor
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor Kampus Negeri
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil.1/2023)

**SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBPTB)
BAGI STAF AKADEMIK UiTM (GRED 45 DAN KE ATAS)**

1. Warganegara Malaysia.
2. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan semasa memohon.
3. Telah berkhidmat di UiTM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini.
4. Kemudahan terbuka kepada jawatan Gred 45 dan ke atas.
5. Umur tidak melebihi 49 tahun pada tarikh diluluskan CBBPTB dan tempoh perkhidmatan sebelum bersara hendaklah boleh menampung jumlah ikatan kontrak cuti belajar.
6. Permohonan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran sahaja.
7. Tempoh maksimum CBBPTB adalah dua (2) tahun.
8. Bebas dari tempoh tindakan tatatertib.
9. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% berturut-turut untuk tiga (3) tahun terkini dalam skim perkhidmatan terkini.
10. Permohonan mendapat sokongan daripada PNC Kolej Pengajian/ Dekan Fakulti/ Rektor/ Ketua Jabatan/ Bahagian melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan mendapat pelepasan untuk bercuti belajar.
11. Telah memulakan pengajian sekurang-kurangnya satu (1) tahun secara separuh masa.
12. Telah lulus *Defence of Research Proposal* daripada universiti pengajian.
13. Teras bidang pengajian hendaklah selari dengan bidang tujahan/ pengajaran dan keperluan Fakulti/ Kolej Pengajian/ Jabatan.
14. Telah hadir dengan jayanya program PhD on Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD iaitu:
 - i. PhD on Time: Pre PhD-Preparation
 - ii. PhD on Time: PhD Preparation Research Methodology
15. Kemajuan pengajian terkini telah mencapai tahap sekurang-kurangnya 50% bagi pengumpulan data.
16. Tempat pengajian adalah di Universiti Awam (UA) dalam negara sahaja.
17. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf atau mana-mana Kemudahan Cuti Belajar dalam peringkat pengajian yang sama.
18. Kos pengajian atas pembiayaan sendiri.
19. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar bersekali dengan surat iringan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

**SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBPTB)
BAGI STAF PENTADBIRAN UiTM (GRED 48 DAN KE ATAS)**

1. Warganegara Malaysia.
2. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan semasa memohon.
3. Telah berkhidmat di UiTM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini.
4. Kemudahan terbuka kepada jawatan Gred 48 dan ke atas.
5. Umur tidak melebihi 49 tahun pada tarikh diluluskan CBBPTB dan tempoh perkhidmatan sebelum bersara hendaklah boleh menampung jumlah ikatan kontrak cuti belajar.
6. Permohonan melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Kedoktoran sahaja.
7. Tempoh maksimum CBBPTB adalah dua (2) tahun.
8. Bebas dari tempoh tindakan tatatertib
9. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% berturut-turut untuk tiga (3) tahun terkini dalam skim perkhidmatan terkini.
10. Permohonan mendapat sokongan daripada PNC Kolej Pengajian/ Dekan Fakulti/ Rektor/ Ketua Jabatan/ Bahagian melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) serta Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Bidang dan mendapat pelepasan untuk bercuti belajar.
11. Telah memulakan pengajian sekurang-kurangnya satu (1) tahun secara separuh masa.
12. Telah lulus *Defence of Research Proposal* daripada universiti pengajian.
13. Teras bidang pengajian hendaklah selari dengan skim perkhidmatan dan tugas hakiki.
14. Telah hadir dengan jayanya program PhD on Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD iaitu:
 - i. PhD on Time: Pre PhD-Preparation
 - ii. PhD on Time: PhD Preparation Research Methodology
15. Kemajuan pengajian terkini telah mencapai tahap sekurang-kurangnya 50% bagi pengumpulan data.
16. Tempat pengajian adalah di Universiti Awam (UA) dalam negara sahaja.
17. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf atau mana-mana Kemudahan Cuti Belajar dalam peringkat pengajian yang sama.
18. Kos pengajian atas pembiayaan sendiri.
19. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar bersekali dengan surat iringan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR (CBBPTAL)/ CUTI BELAJAR TANPA GAJI DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR (CBTGTAL) BAGI STAF AKADEMIK UiTM (GRED 45 DAN KE ATAS)

1. Warganegara Malaysia.
2. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan semasa memohon.
3. Telah berkhidmat di UiTM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini.
4. Umur tidak melebihi 49 tahun pada tarikh diluluskan CBBPTAL/CBTGTAL dan tempoh perkhidmatan sebelum bersara hendaklah boleh menampung jumlah ikatan kontrak cuti belajar.
5. Permohonan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana/Sarjana Kepakaran dan Ijazah Kedoktoran sahaja.
6. Tempoh maksimum CBBPTAL/ CBTGTAL adalah dua (2) hingga empat (4) tahun serta tertakluk kepada surat tawaran tempat pengajian dan ketetapan mesyuarat JKI-PKSM.
7. Staf yang telah menerima surat tawaran penaja dan belum memulakan pengajian semasa memohon CBBPTAL/CBTGTAL adalah layak untuk dipertimbangkan mengikut tempoh maksimum CBBPTAL/ CBTGTAL tertakluk kepada keputusan JKI-PKSM.
8. Staf yang telah menerima surat tawaran penaja dan telah memulakan pengajian tidak melebihi satu (1) tahun secara separuh masa semasa memohon CBBPTAL/ CBTGTAL adalah layak untuk dipertimbangkan mengikut tempoh baki pengajian terkini tertakluk kepada keputusan JKI-PKSM.
10. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% berturut-turut untuk tiga (3) tahun terkini dalam skim perkhidmatan terkini.
11. Bebas dari tempoh tindakan tatatertib.
12. Permohonan mendapat sokongan daripada PNC Kolej Pengajian / Dekan Fakulti dan Rektor melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan mendapat pelepasan untuk bercuti belajar.
13. Telah mendapat tajaan agensi luar dalam bentuk biasiswa (*scholarship*) / tajaan (*sponsorship*) / pinjaman pendidikan dan bukan pinjaman berbentuk peribadi (*personal loan*) sebagai pembiayaan pengajian. Cuti Belajar Tanpa Gaji dengan Tajaan Agensi Luar (CBTGTAL) akan diberi sekiranya ia merupakan syarat dari penaja.
14. Telah lulus kursus BTN bagi melanjutkan pengajian ke luar negara tertakluk kepada polisi kerajaan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
15. Teras bidang pengajian hendaklah selari dengan bidang tujuhan/ pengajaran dan keperluan Fakulti/ Kolej Pengajian/ Jabatan.
16. Hadir dengan jayanya program PhD on Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD iaitu:
 - i. PhD on Time: Pre PhD-Preparation
 - ii. PhD on Time: PhD Preparation Research Methodology
17. Tempat pengajian adalah di dalam dan luar negara dan memenuhi syarat penaja.
18. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf atau mana-mana Kemudahan Cuti Belajar dalam peringkat pengajian yang sama.
19. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar bersekali dengan surat iringan Pusat Tanggungjawab (PTJ).






SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR (CBBPTAL)/ CUTI BELAJAR TANPA GAJI DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR (CBTGTAL) BAGI STAF PENTADBIRAN UiTM (GRED 44 DAN KE ATAS)

1. Warganegara Malaysia.
2. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan semasa memohon.
3. Telah berkhidmat di UiTM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini.
4. Kemudahan terbuka kepada jawatan Gred 44 dan ke atas.
5. Umur tidak melebihi 45 tahun (peringkat Sarjana) dan 43 tahun (peringkat Ijazah Kedoktoran dan Sarjana Kepakaran) pada tarikh diluluskan cuti belajar dan tempoh perkhidmatan sebelum bersara hendaklah boleh menampung jumlah ikatan kontrak cuti belajar.
6. Permohonan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, Ijazah Kedoktoran dan Sarjana Kepakaran sahaja.
7. Tempoh maksimum cuti belajar adalah:
 - i. Sarjana: tidak melebihi 24 bulan
 - ii. Ijazah Kedoktoran: tidak melebihi 36 bulan
 - iii. Sarjana Kepakaran: tidak melebihi 48 bulan
8. Bebas dari tempoh tindakan tatatertib.
9. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 80% berturut-turut untuk tiga (3) tahun terkini dalam skim perkhidmatan terkini.
10. Teras bidang pengajian hendaklah selari dengan skim perkhidmatan dan tugas hakiki.
11. Hadir dengan jayanya program PhD on Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD iaitu:
 - i. PhD on Time: Pre PhD-Preparation
 - ii. PhD on Time: PhD Preparation Research Methodology
12. Tempat pengajian adalah di dalam atau luar negara dan hendaklah memenuhi syarat penaja.
13. Telah mendapat tajaan agensi luar dalam bentuk biasiswa (*scholarship*)/tajaan (*sponsorship*)/pinjaman pendidikan dan bukan pinjaman berbentuk peribadi (*personal loan*) sebagai pembiayaan pengajian. Cuti Belajar Tanpa Gaji dengan Tajaan Agensi Luar (CBTGTAL) akan diberi sekiranya ia merupakan syarat dari penaja.
14. Telah lulus kursus BTN bagi melanjutkan pengajian ke luar negara tertakluk kepada polisi kerajaan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
15. Permohonan mendapat sokongan daripada PNC Kolej Pengajian/ Dekan Fakulti/ Rektor/ Ketua Jabatan/ Bahagian melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) serta Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Bidang dan mendapat pelepasan untuk bercuti belajar.
16. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf atau mana-mana Kemudahan Cuti Belajar dalam peringkat pengajian yang sama.
17. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar bersekali dengan surat iringan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

**SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH / CUTI BELAJAR TANPA GAJI KHAS
BAGI PENSYARAH PELATIH PERUBATAN DAN PERGIGIAN UiTM**

1. Warganegara Malaysia.
2. Telah melapor diri sebagai Pensyarah Pelatih Perubatan/Pergigian.
3. Umur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh diluluskan CBBP/CBTG (Khas) dan tempoh perkhidmatan sebelum bersara hendaklah boleh menampung tempoh ikatan kontrak.
4. Permohonan pengajian di peringkat Sarjana/Sarjana Klinikal samada dalam atau luar negara serta belum memulakan pengajian.
5. Tempoh maksimum kelulusan CBBP/CBTG (Khas) adalah dua (2) hingga empat (4) tahun. Kelulusan tertakluk kepada surat tawaran tempat pengajian dan juga tempoh tajaan diterima serta ketetapan mesyuarat JKI-PKSM.
6. Bebas dari tempoh tindakan tatatertib.
7. Permohonan mendapat sokongan daripada PNC Kolej Pengajian / Dekan Fakulti melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan mendapat pelepasan untuk cuti belajar.
8. Teras bidang pengajian hendaklah selari dengan bidang tujahan/ pengajaran dan keperluan Fakulti/ Kolej Pengajian.
9. Telah lulus kursus BTN bagi melanjutkan pengajian ke luar negara tertakluk kepada polisi kerajaan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
10. Tidak pernah mendapat Biasiswa Staf atau mana-mana Kemudahan Cuti Belajar dalam peringkat pengajian yang sama.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN

| PROSES | CATATAN | TANGGUNGJAWAB |
|---|---|--|
|  | <p>Permohonan hendaklah dihantar kepada Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UiTM selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum memulakan cuti belajar.</p> <p>Permohonan adalah menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar UiTM di pautan berikut: https://pendaftar.uitm.edu.my/muat-turun/borang/borang-bahagian-kemajuan-kerjaya</p> | <p>Pemohon / Ketua atau Moderator PTJ / Ketua Skim Perkhidmatan / Ketua Bidang</p> |
|  | <p>Permohonan yang disokong oleh PTJ dan/atau Ketua Skim Perkhidmatan/ Ketua Bidang* akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) untuk mendapatkan keputusan.</p> <p><i>* bagi staf pentadbiran</i></p> | <p>Bahagian Kemajuan Kerjaya</p> |
|  | <p>Sekiranya diluluskan di peringkat JKI-PKSM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat keputusan akan dikeluarkan bersama borang perjanjian, borang penjamin dan senarai semak dokumen yang perlu dilengkapkan. • Setelah borang perjanjian yang telah lengkap diterima, memorandum syarat-syarat cuti belajar akan dikeluarkan. | <p>Bahagian Kemajuan Kerjaya / Pemohon / Ketua atau Moderator PTJ</p> |
|  | <p>Pemohon bertanggungjawab untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghantar laporan berkala setiap 6 bulan tertakluk kepada tempoh cuti belajar yang diluluskan. • Menghantar Penilaian Prestasi Tahunan pada setiap akhir tahun. | <p>Pemohon / Ketua atau Moderator PTJ</p> |
|  | <p>Setelah tamat tempoh cuti belajar, pemohon bertanggungjawab untuk melapor diri dan menyertakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Borang lapor diri. • Surat pengesahan tamat pengajian (Surat Senat). | |